

05 SEP 2000

Khalil-Internet/I

PELAJAR PERLU DISEDARI TENTANG BAIK-BURUKNYA INTERNET -- KHALIL

KUALA LUMPUR, 5 Sept (Bernama) -- Menteri Penerangan Tan Sri Khalil Yaakob berkata para pelajar perlu diberi kesedaran tentang faedah dan keburukan daripada penggunaan Internet untuk membantu mereka menentukan apa yang benar mengenai isu yang disebarikan secara meluas melalui media itu.

"Pendidikan mengenai penggunaan Internet seharusnya bermula dari sekolah dengan Kementerian Pendidikan memainkan peranan utamanya," katanya.

Beliau bercakap kepada pemberita selepas menyaksikan upacara penyampaian sijil ISO 9002 kepada unit penerbitan berita dan ehwal semasa radio, RTM, oleh Ketua Setiausaha Negara Tan Sri Abdul Halim Ali.

Khalil berkata pihak sekolah seharusnya menasihati pelajar bahawa tidak semua yang disiarkan dalam Internet itu benar, dan memberi penjelasan kepada mereka bagaimana internet dikendalikan dan faedah yang boleh diperolehi daripada penggunaannya.

Beliau berkata walaupun pembohongan disebarikan secara sewenang-wenangnya terhadap pemimpin kerajaan melalui Internet, kerajaan tidak berhasrat untuk melakukan penapisan terhadapnya.

"Daripada segi teknikal ia sukar untuk dilakukan tetapi ia juga akan memberi peluang kepada sesetengah pihak untuk membuat tohmahan kononnya kerajaan menyekat kebebasan bersuara," katanya.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad menyatakan di Chicago pada Ahad lepas bahawa rakyat Malaysia lebih suka menggunakan Internet untuk menyebarkan dan mendapatkan maklumat yang tidak memberi manfaat sedangkan rakyat negara lain menggunakannya untuk memperolehi pengetahuan dan kekayaan.

"Saya sendiri sudah banyak kali menjadi mangsa pembohongan melalui Internet... yang terbaru hanya beberapa minggu lepas," kata Khalil.

Tiga minggu lepas satu pekeliling yang kokonnya dikeluarkan oleh Khalil telah dipaparkan pada Internet, berkenaan cara berpakaian bagi mereka yang menghadiri majlis yang dirasmikan oleh Dr Mahathir.

Beliau sudah menafikan yang beliau mengeluarkan pekeliling itu.

"Mereka yang tidak bertanggungjawab menyebarkan pembohongan bukan sahaja melalui Internet, tetapi juga melalui surat layang, dan cara untuk melawannya ialah melalui Internet juga serta media lain," katanya.

-- BERNAMA

SR FA AHH TS NMO